

28/03/1998

Tiga strategi angkat martabat ekonomi

Azizi Othman in London

KEGAWATAN ekonomi yang melanda Asia Tenggara sudah terlalu banyak diperkatakan. Pakar ekonomi, pemimpin politik, penganalisis asing, malah agensi pembangunan sejagat sudah memberikan pelbagai pandangan mengenai usaha yang boleh diambil bagi menanganinya.

Namun sehingga kini, tiada satupun yang bersifat konstruktif sebaliknya ia sering berbau 'perangkap' untuk memperkukuhkan cengkaman kapitaslime Barat terhadap dinamisme ekonomi rantau ini yang kini kelihatan semakin lumpuh. Dalam konteks inilah, Dr Mahathir menggariskan tiga pendekatan yang boleh digunakan oleh Asia Tenggara untuk mengangkat semula martabat ekonominya.

Pendekatan pertama yang dibentangkan oleh Dr Mahathir ialah mematuhi sepenuhnya saranan yang diberikan kepada Asia Tenggara supaya bersepadu dengan ekonomi dunia dan globalisasi.

Sebenarnya, sejak beberapa tahun lalu kita cenderung untuk melindungi ekonomi menerusi halangan tarif dan bukan tarif semata-mata kerana berpendirian pasaran kita adalah untuk kita. Bagaimanapun, dengan dasar yang bijak, Asia Tenggara termasuk Malaysia berjaya menarik kemasukan pelaburan asing yang berminat menyertai pasaran tempatannya, terutama menerusi pelbagai galakan.

Realitinya, Malaysia bersedia membuka ekonominya untuk pengaliran modal secara bebas. Kita menyokong hakikat bahawa sepatutnya diskriminasi di antara syarikat tempatan dan asing harus dihapus atau diminimumkan.

Demi meningkatkan kecekapan dan kos kepada rakyat, Malaysia sanggup membenarkan syarikat atau bank asing membuka cawangan mereka secara bebas kerana usaha menutup pasaran hanya menyebabkan negara dibebankan dengan barangan dan perkhidmatan yang mahal tetapi tidak bermutu.

Bagaimanapun, pembukaan pasaran secara melulu atas nama globalisasi akan menyebabkan pelaburan ke Asia Tenggara menjunam terutama jika mengambil kira isu guna tenaga dan penyamaan iklim persaingan.

Akibatnya, perolehan kerajaan akan merosot dan program membasmi kemiskinan yang kini menjadi agenda utama pemimpin serantau, terbantut.

Sehubungan itu, Barat perlu sedar bahawa dalam dunia tanpa sempadan, guna tenaga tempatan sekurang-kurangnya perlu dibenar bekerja di mana sahaja. Ini sebenarnya baik kerana mereka dapat menyumbang kepada penjimatan kos pengeluaran di negara maju.

Tanpa persetujuan ini Asia Tenggara tidak harus didesak supaya membuka pintu ekonomi mereka seluas-luasnya kerana ia akan menguntungkan sebelah pihak saja. Globalisasi dan pasaran sejagat tidak ada ertinya jika kedaulatan negara membangun seperti ekonomi Asia Tenggara diporak-perandakan hanya kerana Barat mahu mengambil kesempatan merampas kuasa beli masyarakatnya.

Pendekatan kedua yang dibentangkan oleh Perdana Menteri ialah membentuk satu sistem dagangan baru yang berteraskan konsep barter.

Sebenarnya, dagangan antara dua negara tidak memerlukan setiap urusan niaga dijelaskan. Ini kerana pembayaran bagi dagangan antara negara sebenarnya boleh dibuat selepas menolak jumlah urusan niaga di antara keduanya dengan bakinya diselesaikan dalam mata wang negara penjual serta pembeli saja.

Dengan cara itu, sesebuah negara tidak perlu membuat pegangan mata wang asing dalam jumlah besar sekali gus menghapuskan keperluan menggunakan dolar Amerika sebagai mata wang perantaraan.

Untuk memudahkan usaha itu, sebuah rumah penjelasan boleh diwujudkan dan dengan sistem telekomunikasi canggih, pembayaran sebenarnya boleh dibuat dengan cepat. Ini pasti mengurangkan risiko turun naik nilai mata wang yang kini menjadi punca kegawatan ekonomi serantau.

Menerusi pendekatan itu, harga barangan akan ditentukan dengan persetujuan negara penjual dan pembeli. Dengan itu, jika nilai mata wang rakan dagang sesebuah negara meningkat, negara pembeli perlu menggunakan lebih banyak mata wangnya sendiri untuk membeli.

Walaupun ini berlaku, ia tidak menjejaskan negara pembeli kerana pada masa yang sama ia boleh mendapat nilai yang lebih banyak bagi setiap produk yang dijual. Apatah lagi kerana ia dibayar dalam mata wangnya sendiri.

Apabila import dan eksport dua negara itu dijumlahkan, masalah turun atau naik nilai mata wang negara rakan dagang tidak memberi kesan kerana walaupun angkanya mungkin berubah, nilai bagi barangan atau perkhidmatan yang diniagakan tetap sama.

Jika sekalipun kadar tukaran mata wang tadi berubah semula, nilai bagi barang atau khidmat yang diurusniagakan masih sama. Selain itu, risiko perubahan nilai mata wang akan dikongsi secara adil oleh dua negara rakan dagang terbabit.

Analisis itu juga mendedahkan kita kepada realiti baru iaitu tanggapan umum kononnya penurunan nilai mata wang yang berlaku di Asia Tenggara menyebabkan harga barangan atau perkhidmatannya lebih murah sekali gus menambah daya saing, adalah salah sama sekali.

Oleh kerana setiap barang yang dieksport mempunyai kandungan import, kos mengeluarkannya sudah pasti lebih mahal. Fenomena ini kemudian diburukkan lagi oleh keadaan negara pembeli mahukan harga lebih murah kerana berpendapat kos pengeluaran negara penjual sudah turun.

Oleh itu, adalah jelas negara yang mencatat kejatuhan nilai mata wang tidak mendapat sebarang kelebihan.

Dalam konteks ini, Malaysia dan negara Asia Tenggara lain yang mencatat kejatuhan nilai mata wang tidak mendapat sebarang kelebihan bersaing dan eksport mereka tidak mungkin meningkat. Lebih buruk lagi ialah pendapatannya akan berkurangan. Penurunan nilai mata wang bukanlah satu rahmat sama sekali.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, pendekatan ketiga yang boleh digunakan oleh Asia Tenggara ialah mengekalkan sistem sedia ada yang terbukti memberi banyak manfaat, tetapi sedikit penyesuaian perlu dibuat.

Risikonya, kita mungkin terpaksa menerima tekanan daripada pihak yang tidak berpuas hati dan ia jelas seperti yang berlaku kini. Negara Asia Tenggara yang menerima pakej bantuan kewangan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) pula tidak boleh melakukannya kerana mereka kini tertakluk kepada syarat yang sudah ditetapkan.

Menerusi pendekatan itu, Asia Tenggara hanya perlu mengekalkan sedikit amalan nasionalisme sedia ada untuk mengekalkan identiti serta kemegahannya sendiri.

Walaupun dalam persekitaran global ia mungkin dianggap kolot kerana orde baru pensejagatan menyatakan adalah lebih baik kita melupakan soal bangsa dan kerakyatan supaya semua pihak boleh menikmati perkhidmatan dan barangan terbaik pada harga paling minimum, ia tetap mempunyai kelebihan.

Tidak dinafikan jika pasaran kita dibuka seluas-luasnya, syarikat gergasi Barat mampu memberi kita barangan dan perkhidmatan terbaik pada harga terendah, tetapi realitinya tidak selalu begitu.

Naluri semula jadi manusia sering membuatnya memilih barangan buatan sendiri walaupun ia mungkin tidak sebaik keluaran asing.

Mungkin langkah yang dianggap tertutup seperti ini tidak sesuai dengan dunia global tetapi hakikatnya, ia mampu mengurangkan risiko kegawatan

yang lebih parah.

Kesimpulannya, dalam mencari penyelesaian kepada masalah ekonomi yang melanda Asia Tenggara, kita perlu diberi kuasa menentukan jalan keluar sendiri.

Seperti yang disuarakan oleh Perdana Menteri, hak menentukan masa depan kita menerusi tiga strategi yang dibentangkan itu perlu diberikan atas nama keadilan dan kesaksamaan sejagat.

Apa yang berlaku kini jelas membuktikan ada pihak yang cuba mengambil kesempatan menjadikan kegawatan ini sebagai peluang untuk mencabul kedaulatan ekonomi Asia Tenggara.

Sehubungan itu, semua pihak perlu sedar bahawa jalan untuk kita mengembalikan kegemilangan dan kemakmuran ekonomi masih jauh, panjang dan berliku.

Kita memerlukan komitmen dan kefahaman semua. Tanpa kesungguhan dan sokongan semua pihak, kegemilangan Asia Tenggara sebagai satu daripada rantau paling dinamik di dunia mungkin hanya tinggal dalam lipatan sejarah.

(END)